

25/01/2001

Bas dua tingkat tidak perlu: MB

PORT DICKSON, Rabu - Kerajaan negeri tidak bercadang memperkenalkan perkhidmatan bas dua tingkat sebagai tarikan pengunjung bersiar sekitar bandar pelancongan ini.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad berkata, walaupun pelbagai pihak sebelum ini ada membuat cadangan itu, tetapi pada pandangan kerajaan negeri ia tidak perlu dan tidak mungkin berdaya maju.

Mengikut cadangan golongan terbabit, termasuk pengusaha pelancongan perkhidmatan itu juga boleh menjadi satu perkhidmatan sokongan kepada sistem pengangkutan awam untuk penduduk.

Bagaimanapun, cadangan perkhidmatan bas mini sudah dikemukakan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan untuk diperkenalkan di bandar ini, tetapi hingga kini belum diluluskan.

Perkhidmatan berkenaan adalah untuk kemudahan orang ramai dan memudahkan pelancong yang datang pada hujung minggu atau hari biasa untuk ke kawasan perkelahan dan tempat menarik.

Beliau menyatakan demikian selepas merasmikan Alam Marin Port Dickson (PD Marine World) yang diusahakan oleh Syarikat Informasi Merah Sdn Bhd di Jalan Pantai di sini, iaitu yang pertama diwujudkan di bandar ini.

Hadir sama ialah Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Yeow Chai Thiam; Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pasir Panjang, Sainy Edris; Pegawai Daerah, Wan Zainal Abidin Abdullah; dan pengerusi syarikat, Dr Mahdi Abdul Wahab.

"Kementerian Pengangkutan bercadang mengadakan perkhidmatan kereta api dari Kuala Lumpur dan Seremban ke sini seperti yang diumumkan oleh menterinya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

"Cadangan itu masih dalam peringkat kajian dan ini tentunya memberi faedah kepada pelancong dari Lembh Klang untuk terus ke sini manakala dari Selatan, termasuk Singapura boleh menyambung perjalanan dari Seremban," katanya.

Mohd Isa berkata, pewujudan projek berkenaan adalah selaras dengan keputusan mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum ini supaya setiap negeri mewujudkan Alam Marin.

Katanya, sebuah syarikat berpangkalan di Kuala Lumpur berminat untuk mewujudkan projek seumpama di sini kerana sebab-sebab tertentu tetapi kerajaan negeri sedia membantu untuk memulihkannya.

(END)